



Rujukan Kami : KP(PP)0017/18/6/30 Jld.4 (38)

Tarikh : 19 Mei 2015

| Syaaban 1436H

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Ketua Jabatan / Bahagian,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

Semua Pegawai Pendidikan Daerah

Semua Ketua Jabatan Pegawai Kader / Pinjaman

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENDIDIKAN (PPP) GRED DG32 HINGGA GRED DG54 DAN
PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (PKP) SECARA *TIME-BASED*
BERASASKAN KECEMERLANGAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA (KPM) BAGI TEMPOH:**

- i) **JULAI 2013 HINGGA JUN 2014 (CALON CICIR); DAN**
- ii) **JULAI 2015 HINGGA JUN 2016**

Dengan hormatnya saya telah diarah merujuk kepada perkara yang
tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengadakan urusan kenaikan pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan bagi pegawai-pegawai seperti berikut:

- (a) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 Hingga Gred DG54 Bagi Urusan **Julai 2015 Hingga Jun 2016**; dan
- (b) Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) Bagi Urusan **Julai 2015 Hingga Jun 2016**;
- (c) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 Hingga Gred DG54 Bagi Urusan Cicir **Julai 2013 Hingga Jun 2014**; dan
- (d) Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) Bagi Urusan Cicir **Julai 2013 Hingga Mei 2014**.

3. Iklan bagi urusan di Para 2.0 di atas akan dibuka menerusi sistem ePangkat mengikut tarikh seperti jadual berikut:

Urusan Kenaikan Pangkat Mengikut Tahun Kelayakan	Tarikh Iklan Buka dan Tutup Peringkat Pengetua/Guru Besar/Ketua Bahagian	Tarikh Iklan Buka dan Tutup Peringkat JPN/Pengarah Bahagian/IAB/IPGM
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 Hingga Gred DG54 Bagi Urusan <u>Julai 2015 Hingga Jun 2016</u>	25 Mei 2015 Hingga 21 Jun 2015	22 Jun 2015 Hingga 10 Julai 2015
Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) Bagi Urusan <u>Julai 2015 Hingga Jun 2016</u>		
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG32 Hingga Gred DG54 Bagi Urusan Cicir <u>Julai 2013 Hingga Jun 2014</u>		
Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) Bagi Urusan Cicir <u>Julai 2013 Hingga Mei 2014</u>		

4. Senarai PPP dan PKP yang layak dipertimbangkan adalah seperti di **Lampiran A1 dan Lampiran A2**. Syarat kenaikan pangkat bagi setiap urusan adalah seperti di **Lampiran B1 hingga Lampiran B4**. Bagi memastikan kelancaran urusan kenaikan pangkat di atas, kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin / Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada Ketua Jabatan agar mengemaskini maklumat-maklumat berikut:

- (a) **Buku Perkhidmatan Kerajaan;**
- (b) **sistem HRMIS;**
- (c) **sistem eOperasi; dan**
- (d) **sistem ePangkat**

5. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin /Tuan/ Puan adalah dikehendaki untuk mengemukakan **sesalinan muka surat hadapan (kenyataan lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dalam perkhidmatan) dan muka surat belakang (kenyataan perkhidmatan yang terkini) dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan PPP/PKP yang terlibat dalam urusan kenaikan pangkat ke Kementerian PADA ATAU SEBELUM 10 JULAI 2015 (JUMAAT)**. Buku Perkhidmatan Kerajaan (BKP) yang dikemaskini ini akan digunakan bagi menyemak maklumat-maklumat yang telah dimasukkan di dalam HRMIS, eOperasi dan ePangkat. Sayugia diingatkan bahawa kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan urusan kenaikan pangkat PPP/PKP di bawah seliaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin /Tuan/ Puan terjejas.

6. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin /Tuan/ Puan, semua perakuan kenaikan pangkat **hendaklah diperaku menerusi sistem ePangkat** yang akan dibuka seperti tarikh di Para 3 **KECUALI** pegawai dalam keadaan berikut yang perlu diperakukan **secara manual** iaitu:

- (a) Pegawai yang sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG);
- (b) Pegawai yang telah diluluskan Cuti Separuh Gaji (CSG) dan/atau Cuti Tanpa Gaji (CTG) – sila kemukakan sesalinan surat kelulusan CTG/CSG oleh Ketua Jabatan;

- (c) Pegawai yang telah dikenakan pelanjutan tempoh percubaan dengan berdenda (TPB)) – sila kemukakan sesalinan surat pengesahan TPB oleh Ketua Jabatan;
- (d) Pegawai yang pernah diperaku tetapi gagal dalam urusan berkenaan kerana markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) / Penilaian Tahap Kriteria Kecemerlangan (KC) tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
- (e) Pegawai yang ditohmah/ sedang dalam prosiding/ dikenakan tindakan tatatertib;
- (f) Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat sebelum bersara wajib / bersara pilihan / meninggal dunia;
- (g) Pegawai yang berada di dalam Jawatan Kumpulan; dan
- (h) Pegawai yang mempunyai pengalaman sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (Ex-PPPLD) yang layak dipertimbangkan urusan kenaikan pangkat secara TBBK.

Bersama-sama ini dikemukakan jadual urusan kenaikan pangkat mengikut peringkat dan garis panduan pengurusan kenaikan pangkat secara TBBK seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D1 hingga Lampiran D3**. Jadual dan garis panduan tersebut juga akan dimuat naik dalam sistem ePangkat untuk memudahkan rujukan.

7. Ketua Jabatan adalah dikehendaki memperakukan **HANYA CALON YANG BELUM DIPERAKUKAN SEBELUM INI** untuk urusan kenaikan pangkat. Sebarang kecuaiian memperakukan semula calon yang telah dinaikkan pangkat bagi urusan berkenaan **akan dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan yang membuat perakuan tersebut.**

8. Di atas segala kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan berikan dalam melancarkan urusan ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(JAMIL BIN RAKON)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k :

TKSU (P)

TKPPM (Operasi)

TSUBK (SM)

TSUB (SM) P

SENARAI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN MELALUI SISTEM ePANGKAT BAGI TEMPOH JULAI 2013 HINGGA JUN 2014 (URUSAN CICIR) DAN JULAI 2015 HINGGA JUN 2016

URUSAN	TEMPOH PERKHIDMATAN (TAHUN)
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH (PPPS)	
<p style="text-align: center;">Gred DG52 ke Gred DG54</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Naik Pangkat (TNP) Gred DG52 mulai Julai 2012 hingga Jun 2013 • TNP Gred DG52 mulai Julai 2010 hingga Jun 2011 	3
<p style="text-align: center;">Gred DG48 ke Gred DG52</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG48 mulai Julai 2009 hingga Jun 2010 • TNP Gred DG48 mulai Julai 2007 hingga Jun 2008 	6
<p style="text-align: center;">Gred DG44 ke Gred DG48</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG44 mulai Julai 2007 hingga Jun 2008 • TNP Gred DG44 mulai Julai 2005 hingga Jun 2006 	8
<p style="text-align: center;">Gred DG41 ke Gred DG44</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Lantik Gred DG41 mulai Julai 2007 hingga Jun 2008 • Tarikh Lantik Gred DG41 mulai Julai 2005 hingga Jun 2006 	8
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA (PPPLD)	
<p style="text-align: center;">Gred DG34 ke Gred DG38</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG34 mulai Julai 2010 hingga Jun 2011 • TNP Gred DG34 mulai Julai 2008 hingga Jun 2009 	5
<p style="text-align: center;">Gred DG32 ke Gred DG34</p> <ul style="list-style-type: none"> • TNP Gred DG32 mulai Julai 2007 hingga Jun 2008 • TNP Gred DG32 mulai Julai 2005 hingga Jun 2006 	8
<p style="text-align: center;">Gred DG29 ke Gred DG32</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Lantik Gred DG29 mulai Julai 2007 hingga Jun 2008 • Tarikh Lantik Gred DG29 mulai Julai 2005 hingga Jun 2006 	8

SENARAI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA YANG TERLIBAT DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN MELALUI SISTEM ePANGKAT BAGI TEMPOH JULAI 2013 HINGGA MEI 2014 (URUSAN CICIR) DAN JULAI 2015 HINGGA JUN 2016

1. Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N17
2. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17
3. Pembantu Makmal Gred C17
4. Penyelia Asrama Gred N17
5. Tukang K2 Gred R11
6. Tukang K3 Gred R9
7. Pemandu Kenderaan Gred R3
8. Pembantu Am Pejabat Gred N1
9. Jaga Gred R1
10. Pekerja Awam Gred R1

Syarat Kenaikan Pangkat PPP Gred DG29 ke Gred DG32 / Gred DG32 ke Gred DG34 / Gred DG41 ke Gred DG44 / Gred DG44 ke Gred DG48

Syarat Umum

- (a) telah disahkan di dalam jawatan Gred DG29/DG41 atau telah dinaikkan pangkat ke Gred DG32/DG44;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga;

Tarikh Kelayakan Bagi Urusan TBBK Gred DG32/DG34/DG44/DG48	Markah Minimum LNPT	LNPT Yang Digunakan
01 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014	78%*	2010, 2011 dan 2012
01 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016	80%	2012, 2013 dan 2014

* *Markah minimum LNPT 78% hanya terpakai bagi tempoh 01 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013. Penyelarasan markah minimum LNPT kepada 80% bagi kenaikan pangkat semua gred telah dilaksanakan mulai 01 Januari 2014.*

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat-syarat Khusus

- (a) berkhidmat sekurang-kurangnya lapan (8) tahun di Gred DG29/DG32/DG41/DG44 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja);
- (b) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80%; (bagi urusan bermula 1 Julai 2013) dan
- (c) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80% (bagi urusan bermula 1 Julai 2013).

Syarat Kenaikan Pangkat PPP Gred DG34 ke Gred DG38

Syarat Umum

- (a) telah dinaikkan pangkat ke Gred DG34;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga;

Tarikh Kelayakan Bagi Urusan TBBK Gred DG38	Markah Minimum LNPT	LNPT Yang Digunakan
01 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014	78%*	2010, 2011 dan 2012
01 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016	80%	2012, 2013 dan 2014

* *Markah minimum LNPT 78% hanya terpakai bagi tempoh 01 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013. Penyelarasan markah minimum LNPT kepada 80% bagi kenaikan pangkat semua gred telah dilaksanakan mulai 01 Januari 2014.*

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) tiga tahun terakhir seperti berikut:
- (e) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (f) telah mengisytiharkan harta;
- (g) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (h) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (i) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat-syarat Khusus

- (a) berkhidmat **sekurang-kurangnya lima (5) tahun di Gred DG34 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja);**
- (b) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80% (bagi urusan bermula 1 Julai 2013); dan
- (c) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80% (bagi urusan bermula 1 Julai 2013).

Syarat Kenaikan Pangkat PPP Gred DG48 ke Gred DG52

Syarat Umum

- (a) telah dinaikkan pangkat ke Gred DG48;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga;

Tarikh Kelayakan Bagi Urusan TBBK Gred DG52	Markah Minimum LNPT	LNPT Yang Digunakan
01 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014	80%	2010, 2011 dan 2012
01 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016	80%	2012, 2013 dan 2014

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat-syarat Khusus

- (a) berkhidmat **sekurang-kurangnya enam (6) tahun di Gred DG48 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja);**
- (b) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80% (bagi urusan bermula 1 Julai 2013); dan
- (c) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80% (bagi urusan bermula 1 Julai 2013).

Syarat Kenaikan Pangkat PPP Gred DG52 ke Gred DG54

Syarat Umum

- (a) telah dinaikkan pangkat ke Gred DG52;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga;

Tarikh Kelayakan Bagi Urusan TBBK Gred DG54	Markah Minimum LNPT	LNPT Yang Digunakan
01 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014	80%	2010, 2011 dan 2012
01 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016	80%	2012, 2013 dan 2014

- (c) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (d) telah mengisytiharkan harta;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Syarat-syarat Khusus

- (a) berkhidmat **sekurang-kurangnya tiga (3) tahun di Gred DG52 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja);**
- (b) melepasi Penilaian Tahap Kecemerlangan (Kriteria Kecemerlangan (KC)) iaitu sekurang-kurangnya 80%; dan
- (c) melepasi wajaran pemarkahan keseluruhan (60% wajaran markah LNPT + 40% markah KC) iaitu sekurang-kurangnya 80%.

Syarat Kenaikan Pangkat PKP

Syarat Umum

- (a) telah disahkan dalam jawatan;
- (b) diperakukan oleh Ketua Jabatan.
- (c) telah mengisytiharkan harta;
- (d) bebas daripada tindakan tatatertib;
- (e) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (f) bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- (g) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu jumlah wajaran Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) seperti jadual di bawah dengan pembahagian wajaran sebanyak 20% bagi tahun pertama, 35% bagi tahun kedua dan 45% bagi tahun ketiga bebas daripada tindakan tatatertib;

Tarikh Kelayakan Bagi Urusan TBBK Gred DG32/DG34/DG44/DG48	Markah Minimum LNPT	LNPT Yang Digunakan
01 Julai 2013 hingga 31 Mei 2014	80%	2011, 2012 dan 2013
01 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016	80%	2012, 2013 dan 2014

Syarat-syarat Khusus

- (a) telah dilantik secara tetap ke skim perkhidmatan semasa;
- (b) masih berada di gred lantikan
- (c) telah berkhidmat genap **13 tahun** dalam skim perkhidmatan semasa pada **01 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2016 (tempoh perkhidmatan yang diambil kira sahaja)**;
- (d) memperoleh penilaian kecemerlangan di tahap BAIK / CEMERLANG. Jumlah markah penilaian kecemerlangan adalah seperti berikut:

Markah Penilaian Kecemerlangan	Tahap Penilaian Kecemerlangan	Keputusan
8 hingga 9	Cemerlang	LAYAK dipertimbangkan kenaikan pangkat
6 hingga 7	Baik	
3 hingga 5	Kurang Memuaskan	TIDAK LAYAK dipertimbangkan kenaikan pangkat

JADUAL URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) GRED GRED DG32 HINGGA GRED DG54 DAN PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA (PKP) SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI TEMPOH JULAI 2013 HINGGA JUN 2014 (URUSAN CICIR) DAN JULAI 2015 HINGGA JUN 2016

Peringkat Calon	Peringkat Guru Besar / Pengetua / Ketua Bahagian	Peringkat Ketua Jabatan
Tidak berkenaan kerana calon tidak perlu memohon. Sebaliknya calon wajar mengisi borang penilaian KC dan dinilai oleh Ketua Jabatan sebelum 1 Julai 2016	25 Mei 2015 Hingga 14 Jun 2015	15 Jun 2015 Hingga 29 Jun 2015

PERHATIAN

1. Calon **TIDAK PERLU MEMOHON**. Tiada iklan TBBK akan dipaparkan di modul permohonan. Calon juga mempunyai tanggungjawab untuk membaca dengan teliti nama iklan yang dipaparkan di modul permohonan untuk mengelakkan calon tersilap memohon iklan yang salah.
2. **TARIKH TUTUP ADALAH TARIKH CAPAIAN DITUTUP** dan bukan tarikh akhir capaian dibenarkan. Sistem akan menghalang capaian bagi setiap peringkat bermula tarikh tutup bagi capaian tersebut. **Sebagai contoh, Peringkat Guru Besar / Pengetua / Ketua Bahagian ditetapkan tarikh tutupnya pada 15 Jun 2015**. Sebarang usaha untuk membuat perakuan pada masa berkenaan akan menemui kegagalan

Penilaian Kriteria Kecemerlangan dan Rayuan Kriteria Kecemerlangan boleh dibuat tanpa menunggu iklan TBBK dibuka bagi menjimatkan masa.

TANGGUNGJAWAB CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN

1. Mendaftarkan diri sendiri di dalam ePangkat sekiranya belum berbuat demikian
2. Memastikan bahawa maklumat diri di dalam HRMIS dikemaskini
3. Memastikan bahawa maklumat perkhidmatan di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemaskini
4. Memastikan maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai di dalam sistem **eOperasi adalah dikemaskini dan tepat;**
5. Memastikan maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai di dalam sistem **ePangkat adalah dikemaskini dan tepat;**
6. Memasukkan maklumat di dalam submodul Maklumat Peribadi di dalam ePangkat bagi tujuan tapisan keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
7. Membuat perisytiharan harta terkini bagi tujuan urusan kenaikan pangkat dan seterusnya memastikan maklumat perisytiharan harta dikemaskini di dalam ePangkat;
8. Memastikan diri calon tidak berada di dalam senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan;
9. Membaca dengan teliti nama iklan yang dipaparkan di modul permohonan untuk mengelakkan calon tersilap memohon iklan yang salah.
10. Mengisi Borang Penilaian Kriteria Kecemerlangan (bagi calon yang terlibat dalam urusan TBBK bermula 1 Julai 2013);
11. Sekiranya gagal di dalam penilaian, mengisi Borang Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan (bagi calon yang terlibat dalam urusan TBBK bermula 1 Julai 2013).

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN CALON YANG TERLIBAT DI DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN

1. Menghebahkan dan memaklumkan urusan kenaikan pangkat kepada semua calon di bawah penyeliaan masing-masing yang layak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan;
2. Memastikan bahawa maklumat calon di dalam HRMIS dikemaskini
3. Memastikan bahawa maklumat perkhidmatan calon di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dikemaskini
4. Menyemak maklumat-maklumat perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **eOperasi adalah dikemaskini dan tepat;**
5. Memastikan perkhidmatan calon yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat secara TBBK di dalam sistem **ePangkat adalah dikemaskini dan tepat;**
6. Menyemak serta memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diberikan oleh calon;
7. Memastikan hanya permohonan yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus kenaikan pangkat secara TBBK sahaja dikemukakan menerusi ePangkat
8. Membuat Penilaian Kriteria Kecemerlangan dengan **kadar segera tanpa menunggu iklan TBBK dibuka di ePangkat** bagi calon yang terikat dengan syarat kriteria kecemerlangan,
9. Mengingatkan calon yang gagal dalam Penilaian Kriteria Kecemerlangan, bahawa beliau boleh membuat rayuan dan rayuan calon, jika ada, perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan
10. Memasukkan markah Kriteria Kecemerlangan dan markah Rayuan Kriteria Kecemerlangan di dalam maklumat perakuan calon yang tertakluk kepada pemakaian Kriteria Kecemerlangan
11. Mengemukakan perakuan calon-calon di bawah seliaan dengan kadar segera tanpa menunggu sehingga saat-saat akhir untuk berbuat demikian.
12. Hanya mengemukakan calon yang belum diperakukan bagi sebarang **Urusan Kenaikan Pangkat secara TBBK (Urusan Cicir)**
13. Memaklumkan dan memanjangkan maklumat berkaitan **"Tanggungjawab Calon Yang Terlibat Di Dalam Urusan Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan"** seperti di Lampiran B2 kepada calon.

SOALAN LAZIM BERKENAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA URUSAN PERAKUAN KENAIKAN PANGKAT TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN MENERUSI EPANGKAT

1. **Soalan** – Pengetua/Guru Besar/Ketua Bahagian saya telah bertukar / bersara dan Ketua Jabatan baru telah melaporkan diri untuk bertugas. Apakah tindakan yang perlu saya buat untuk *reset* kata laluan akaun Ketua Jabatan saya?

Jawapan – Kata Laluan akaun Pengetua/Guru Besar/Ketua Bahagian **tidak perlu *direset***. Adalah memadai maklumat tempat bertugas tuan / puan dikemaskini di dalam eOperasi dan akaun ePangkat tuan / puan boleh digunakan bagi mentadbir di tempat yang baru. Sekiranya Ketua Jabatan yang baru tidak mempunyai akaun ePangkat, beliau boleh mendaftarkan sendiri akaun beliau dengan mengikut pautan di muka hadapan ePangkat.

2. **Soalan** – Ketua Jabatan yang lama telah bersara, namun kami masih boleh menggunakan akaun beliau untuk menguruskan perakuan PPP dan PKP di organisasi kami. Walau bagaimanapun, akaun tersebut tidak boleh digunakan lagi sekarang. Apakah yang perlu dilakukan untuk mengaktifkan semula akaun Ketua Jabatan tersebut?

Jawapan – Penggunaan akaun Ketua Jabatan yang lama sepatutnya dihentikan setelah beliau bertukar / bersara. **Sila gunakan akaun ePangkat Ketua Jabatan yang baru.**

3. **Soalan** – Sekiranya saya terlupa kata laluan, apakah yang perlu saya lakukan?

Jawapan – Peranan untuk *reset* kata laluan telah diturunkan ke Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian.

4. **Soalan** – Kata laluan saya telah diset semula dan kata laluan sementara telah diberikan. Bolehkah saya kekal menggunakan kata laluan tersebut?

Jawapan – Tanggungjawab memastikan kerahsiaan kata laluan adalah di bawah pemilik akaun. Sekiranya sesuatu akaun dicerobohi dan perbuatan khianat dilakukan menggunakan akaun tersebut, pemilik akaun **akan dipersalahkan** di atas kecuaiannya.

5. **Soalan** – Saya adalah ketua jabatan dan ingin memperakukan calon-calon yang layak di bawah penyeliaan saya. Namun, apabila saya masuk ke dalam iklan TBBK, terdapat nama yang dipaparkan dan ada nama yang tidak dipaparkan. Mengapa perkara ini boleh berlaku?

Jawapan – **Kegagalan mengemaskini maklumat calon adalah sebab utama** nama calon tidak dipaparkan di dalam iklan berkenaan. Sila pastikan berkenaan telah menyebabkan sistem tidak memaparkan pegawai tersebut. Sila pastikan setiap satu perkara berkenaan diikuti:

- (a) Maklumat pegawai dikemaskini di dalam sistem eOperasi dan ePangkat;
- (b) Gred Hakiki Penyanggah diisi;
- (c) LNPT terkini dimasukkan ke dalam sistem;
- (d) Tarikh Naik Pangkat bagi setiap gred (jika berkaitan) – Sila ambil maklum bahawa **tarikh penempatan ke jawatan hakiki tidak dikira sebagai kenaikan pangkat**;
- (e) Perisytiharan harta dikemaskini;
- (f) Pegawai benar-benar layak naik pangkat; dan
- (g) Sahkan semua maklumat pegawai di dalam modul semakan dengan mengklik butang "HANTAR PENGESAHAN".

6. **Soalan** – Saya lihat tarikh tutup iklan adalah pada **16.03.2015** (contoh) tetapi bila saya masuk pada tarikh tersebut, saya dapati iklan berkenaan telah hilang.

Jawapan – 'Tarikh Tutup' iklan adalah **tarikh iklan ditutup dan capaian kepada pihak yang terlibat dihentikan**, bukan tarikh terakhir perakuan dibuat. Sebarang perakuan hendaklah dibuat sebelum tarikh tutup.

7. **Soalan** – Saya lihat di dalam maklumat peribadi saya di dalam modul ePangkat, gred jawatan dan gaji saya adalah lebih rendah. Saya cuba meminda maklumat berkenaan tetapi tidak boleh kerana medan tersebut tidak boleh diubah. Apa yang perlu saya buat?

Jawapan – Sesetengah maklumat di dalam submodul maklumat peribadi dicapai daripada sistem eOperasi. Sebagai contoh, maklumat berkaitan gaji pegawai. Bagi meminda maklumat tersebut, mohon tuan / puan dapatkan bantuan daripada penyelaras sistem eOperasi.

8. **Soalan** – Adakah calon yang tidak mencapai LNPT yang ditetapkan layak untuk mengisi Borang KC?

Jawapan – **Tidak**. Hanya PPP yang mencapai Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) seperti yang ditetapkan layak untuk dinilai menggunakan Borang Kriteria Kecemerlangan. Selain itu, iklan di dalam ePangkat tidak akan memaparkan nama mana-mana calon yang tidak mencapai syarat-syarat kenaikan pangkat.

9. **Soalan** – Adakah saya perlu menunggu sehingga iklan TBBK dibuka sebelum membuat penilaian KC kepada calon di bawah seliaan saya?

Jawapan – **Tidak**. Tuan boleh membuat penilaian Kriteria Kecemerlangan dan jika perlu menguruskan Rayuan Penilaian Kriteria Kecemerlangan sebelum iklan dibuka. Dengan berbuat demikian, tuan boleh

terus memasukkan markah ke dalam sistem dan seterusnya memperakukan calon apabila iklan dibuka.

10. **Soalan** – Adakah Rayuan Kriteria Kecemerlangan sama dengan Rayuan Kenaikan Pangkat?

Jawapan – Tidak. Sebarang Rayuan Kriteria Kecemerlangan (jika ada), perlu dipertimbangkan dan diputuskan sebelum iklan TBBK tutup. Urus setia akan mengemukakan Markah Kriteria Kecemerlangan dan Markah Rayuan Kriteria Kecemerlangan (jika ada) kepada LKPPP di dalam perakuan yang sama.

11. **Soalan** – Perlukah saya perakukan calon yang sedang di dalam prosiding tatatertib / digantung kerja / ditahan kerja bagi urusan kenaikan pangkat secara TBBK?

Jawapan – Sekiranya calon telah layak, pohon diperakukan calon semasa manual dan pada masa yang sama maklumkan kepada Pengarah JPN / Bahagian mengenai tindakan yang dikenakan ke atas beliau.

12. **Soalan** – Saya merupakan PPPLD Gred DGA29 yang dilantik pada 03 Januari 2007. Saya telah mengikuti program pengijazahan dan telah dilantik sebagai PPPS Gred DG41 pada 1 Julai 2013. Saya terlibat dalam urusan kenaikan pangkat ke Gred DGA32 pada 1 Januari 2015 dan telah memaklumkan kepada Ketua Jabatan saya mengenai perkara tersebut tetapi beliau enggan memperakukan saya. Apakah tindakan yang saya boleh ambil berhubung keengganan Ketua Jabatan memperakukan saya bagi urusan tersebut?

Jawapan – Apabila tuan dilantik sebagai PPPS DG41 bermula 1 Julai 2013, tuan adalah tertakluk kepada urusan kenaikan pangkat di skim PPPS dan tidak layak untuk dipertimbangkan bagi sebarang urusan kenaikan pangkat di skim PPPLD. Walaupun skim PPPS dan PPPLD digabungkan menjadi skim bersepadu berkuatkuasa 1 Januari 2014, tuan masih lagi tidak memenuhi syarat untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred DG32 secara TBBK iaitu 8 tahun perkhidmatan di Gred DGA29 / DG29.

13. **Soalan** – Saya cuba membuat capaian menerusi ePangkat dan dapat masuk ke akaun saya. Tetapi bila saya klik ke Modul Guru Besar / Pengetua / Ketua Jabatan, sistem memaparkan mesej, “**MAAF, ANDA TIDAK DIBENARKAN AKSES KE MODUL INI**” sedangkan saya adalah Guru Besar.

Jawapan – Punca perkara berkenaan berlaku adalah tuan / puan menggunakan pelayar internet versi yang lama dan kurang selamat. Oleh itu, sebagai langkah keselamatan ePangkat menghadkan capaian akaun tuan / puan. Sila gunakan pelayar internet yang kemaskini.

14. **Soalan** – Saya sepatutnya memperakukan calon di bawah seliaan saya bagi urusan kenaikan pangkat secara TBBK pada tahun lepas tapi saya tidak pasti sama ada saya pernah berbuat demikian. Baru-baru ini saya menerima surat pemakluman mengenai urusan kenaikan pangkat secara TBBK Urusan Cicir bagi tahun tersebut. Perlukah saya perakukan calon saya walaupun saya tidak pasti pernah atau tidak berbuat demikian?

Jawapan – Tuan sepatutnya lebih peka mengenai urusan perkhidmatan di bawah seliaan tuan selaku Ketua Jabatan. Untuk memastikan sama ada tuan perlu perakukan semula calon tuan, sila hubungi JPN / Bahagian untuk mengetahui terlebih dahulu mengenai status calon tuan. Perbuatan Ketua Jabatan yang tidak berbuat demikian adalah disifatkan cuai dan tidak bertanggungjawab, satu kesalahan yang jelas dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Selain Ketua Jabatan berkenaan boleh **dikenakan tindakan tatatertib**, beliau juga boleh **dikenakan tindakan surcaj** atas kesalahan tersebut. Selain itu, sesuatu urusan adalah bersifat semasa dan Lembaga Kenaikan Pangkat mempunyai kuasa untuk tidak memberikan tarikh kenaikan pangkat kepada calon pada tarikh beliau layak.

15. **Soalan** – Saya ingin membuat perakuan calon-calon di bawah saya menggunakan komputer tablet atau telefon pintar. Adakah saya boleh berbuat demikian?

Jawapan – Sistem ePangkat menyokong semua jenis capaian (Internet Explorer / Mozilla / Firefox / Google Chrome / Safari) menggunakan komputer tablet atau telefon pintar.

SENARAI KETUA JABATAN

TEMPAT BERTUGAS CALON	KETUA JABATAN
SM Pendidikan Khas/ Sekolah Dalam Hospital	Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
SM Teknik/Kolej Vokasional	Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
SM Berasrama Penuh/Sains/SBPI	Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan
SM Agama/SMK Agama/ SABK	Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
Sekolah Seni	Pengarah Bahagian Kokurikulum Dan Kesenian
Sekolah Sukan	Pengarah Bahagian Sukan
Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti Negeri	Ketua Nazir Bahagian Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti
Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) Pusat Kegiatan Guru	Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan
Institut Pendidikan Guru Malaysia	Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (Cyberjaya)
Kolej Matrikulasi	Pengarah Bahagian Matrikulasi
Institut Aminuddin Baki	Pengarah Institut Aminuddin Baki
Pegawai-pegawai yang dipinjamkan/tukar sementara/mengisi jawatan kader KPM	Timbalan Setiausaha Bahagian Kanan (SM) Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pegawai – pegawai yang sedang Cuti Belajar	Setiausaha Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia